

# Hilang penglihatan bukan penghalang Nur Aisyatul capai kejayaan

**KUALA LUMPUR 3 NOV.** - Perasaan gembira menyelubungi keluarga pelajar kurang upaya, Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, 26, apabila beliau menerima Ijazah Sarjana Ekonomi Islam dengan memperoleh purata nilai gred keseluruhan (CGPA) 3.93 pada Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia ke-43 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar), di sini hari ini.

Ketika ditemui selepas menerima ijazahnya, Nur Aisyatul Radiah berkata, walaupun cacat penglihatan namun ia tidak menjadi penghalang baginya untuk berjaya seperti rakan yang lain.

Katanya, dia kehilangan amugerah deria penglihatan sejak berusia 16 tahun selepas disahkan menghidap Retinitis Pigmentosa iaitu sejenis penyakit mata yang disebabkan oleh kerosakan di bahagian retina.

"Pada awalnya, saya tidak dapat menerima kenyataan tersebut dan mula menjarakkan diri dengan rakan-rakan, namun, selepas mendapat dorongan daripada ibu bapa serta ahli keluarga yang lain semangat untuk terus berjuang kembali semula apatah lagi sebagai umat Islam kita perlu reda dengan ketentuan ilahi.

"Percayalah, ia bukan perkara



**NUR AISYATUL RADIAH ALIDANIAH** menerima ciuman daripada ibunya, Hafimah Othman dan bapanya, Alidaniah Mohd. Taip selepas Majlis Konvokesyen UKM di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar), Kuala Lumpur, semalam.

mudah memandangkan pada umur 16 tahun saya perlu belajar untuk menyesuaikan diri dengan tulisan braille dan pernah menangis apabila gagal memahaminya," katanya kepada pemberita.

Apabila ditanya masalah beliau hadapi semasa belajar, katanya, antaranya ialah kesukaran menda-

patkan bahan rujukan kerana ketiadaan yang berbentuk braille sehingga memerlukan pertolongan daripada penerjemah dan rakan.

"Kebiasaannya, saya akan menggunakan khidmat pembaca sukarelawan. Perkara ini lebih susah apabila melibatkan lukisan kelok ekonomi," katanya.